



PROSEDUR KEMASUKAN ASRAMA DARUL HIDAYAH MAIWP KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR

1. Pemohon mestilah seorang Warganegara Malaysia yang memeluk Islam di Wilayah Persekutuan samada di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) atau badan kebajikan Islam (NGO) berdaftar. Walau bagaimanapun, pemohon yang berdaftar di negeri lain juga akan dipertimbangkan;
2. Berusia antara 18 hingga 55 tahun sahaja dan boleh mengurus diri serta berdikari;
3. Tidak dibenarkan membawa ahli keluarga untuk tinggal bersama;
4. Pemohon wajib mengikuti segala peraturan yang ditetapkan di asrama berkenaan termasuk mengikuti kelas-kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain secara tetap;
5. Pemohon tidak mempunyai sebarang rekod jenayah yang serius serta mengamalkan cara hidup yang sihat;
6. Bebas daripada penyakit berbahaya dan berjangkit seperti HIV, Tibi, gangguan mental, penyalahgunaan dadah, mabuk dan lain-lain. Perkara ini mestilah disahkan oleh mana-mana Hospital Kerajaan;
7. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan penempatan di Tingkat 6 Barat, Cawangan Kebajikan Saudara Baru, Bahagian Pengurusan Dakwah, JAWI.
8. Pemohon hendaklah mengemukakan keputusan pemeriksaan penuh kesihatan (*medical check-up*) dari Hospital Kerajaan;
9. Penempatan adalah secara sementara untuk **tempoh 6 bulan sahaja**;
10. Pemohon yang meninggalkan asrama melebihi tempoh dua (2) minggu tanpa sebarang makluman dianggap tidak berminat dan pihak asrama berhak mengeluarkan notis tamat tempoh penempatan.

**Asrama Darul Hidayah MAIWP (Kg. Periuk)
Lot 96B, Seksyen 41,
Jalan Dato' Abdul Razak, Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-22749333 Faks : 03-22725245**